



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN RISDA 2017

**DEWAN KONVENSYEN SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
PEKAN, PAHANG**

**3 JUN 2017 (SABTU)
3.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Assalamualaikum wbt., Salam Sejahtera Dan Salam Negaraku Malaysia

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Amat Berhormat Dato Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Hj. Adnan bin Hj. Yaakob
Menteri Besar Pahang Darul Makmur

Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin
Pengerusi RISDA

Yang Berhormat Exco-Exco, Ahli-Ahli Parlimen dan ADUN Negeri Pahang

Ketua-Ketua Agensi di bawah KKLW

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri
Pahang

Pemimpin-pemimpin tempatan serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan para pekebun kecil
yang dihormati sekalian.

ASSALAMUALAIKUM W.B.T. SALAM SEJAHTERA DAN SALAM SEHATI SEJIWA.

1. Marilah kita sama-sama mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S. W.T. atas perkenan dan izin-Nya dapat kita berhimpun dalam 'Majlis Penyampaian Dividen RISDA 2017' di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah Pekan pada hari ini. Sesungguhnya saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita yang telah sudi meluangkan masa untuk menghadiri dan seterusnya menyempurnakan majlis pada hari ini. Kehadiran dan sokongan Yang Amat Berhormat Dato' Sri menyemarakkan lagi

semangat kami semua di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk meneruskan usaha memperkasa dan membangunkan masyarakat luar bandar di negara ini. Terima kasih juga kepada semua Dif-Dif Jemputan terutama Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Dr. Adnan bin Hj. Yaakob Menteri Besar Pahang Darul Makmur yang begitu prihatin untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini. Saya amat berbangga dan berterima kasih atas sokongan yang diberikan. Saya juga merakamkan terima kasih tidak terhingga kepada semua pekebun kecil yang hadir memeriahkan majlis pada hari ini.

YAB Dato' Sri serta Hadirin yang dihormati sekalian,

RANCANGAN TANAM BARU BERKELOMPOK (RTBB)

2. Untuk makluman YAB Dato' Sri, **Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB)** diwujudkan bertujuan untuk membantu pekebun kecil yang memiliki tanah kurang dari 2.8 hektar atau 7 ekar dengan membangunkan ladang getah dan sawit. Hasil dari pembangunan tanah tersebut diagihkan melalui pemberian dividen tahun ini kepada seramai 16,080 orang pekebun kecil dengan keluasan 19,306 hektar. Dengan cara ini, pastinya peserta berkenaan dapat meringankan kos sara hidup dan menampung perbelanjaan di musim perayaan yang bakal tiba tidak lama lagi.

TANAM SEMULA KOMERSIAL (TSK)

3. Di samping itu, RISDA turut mengambil inisiatif untuk membangun dan menguruskan kebun – kebun yang tidak ekonomik, terbiar dan tidak diusahakan. Kebun – kebun ini disatukan dan diuruskan secara komersial oleh anak syarikat RISDA. Sehubungan itu, seramai 17, 784 orang pekebun kecil dengan keluasan 30,923 hektar terlibat dalam program ini. Hasil kebun ini juga akan disampaikan kepada peserta dalam bentuk dividen pada hari ini.

4. Jumlah keseluruhan pembayaran dividen untuk Skim RTBB dan TSK ini akan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sebentar nanti. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada RISDA kerana berjaya melaksanakan pemberian dividen ini. Kerajaan akan terus komited dan berusaha membantu para pekebun kecil tidak kira dalam waktu susah atau senang kerana kita menghargai usaha pekebun kecil ini yang merupakan penyumbang utama kepada peningkatan ekonomi Negara.

RISDA DAN TRANSFORMASI LUAR BANDAR KKLW

YAB Dato' Sri serta para hadirin sekalian,

5. Pada tahun ini, KKLW meneruskan gagasan Transformasi Luar Bandar bagi meningkatkan daya saing serta memastikan luar bandar mampu menjana ekonomi setanding di bandar. Sehubungan itu, semua agensi dipertanggungjawabkan untuk bersama menjayakan transformasi ini. Bagi RISDA dengan peruntukan sebanyak RM 358.8 juta, diamanahkan untuk menguruskan program-program pembangunan yang melibatkan pemeraksanaan program tanam semula, peningkatan pendapatan pekebun kecil, mempergiatkan aktiviti hiliran Syarikat Milikan RISDA serta memperbanyakkan program touch point dengan mendekati pekebun kecil agar masyarakat luar bandar merasai perkhidmatan yang sentiasa kerajaan berikan. Kesemua usaha yang bersungguh - sungguh ini, KKLW laksanakan demi memastikan masyarakat luar bandar dan pekebun kecil menikmati kehidupan yang sejahtera serta lebih bermakna.

6. Saya pasti semua hadirin sudah tidak sabar untuk mendengar ucapan dan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri kita sebentar lagi. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia atas keprihatinan dalam pembangunan masyarakat luar bandar. Sekalung terima kasih kepada dif-dif jemputan yang hadir dan setinggi-tinggi tahniah kepada RISDA kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan-Puan pekebun kecil akan terus maju meningkatkan pendapatan dan seterusnya menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh